



## KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	SINAR HARIAN		
TARIKH	:	3/12/2019	MUKA SURAT	: 36
JABATAN	:	JPS		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

# Mangsa banjir makin meningkat

Marang, Kuala Nerus dan Kemaman mula dinaiki air

NORHASPIDA YAITIM

KUALA TERENGGANU

**M**angsa banjir di Terengganu bertambah mendadak apabila tiga lagi daerah di negeri ini dinaiki air iaitu Marang, Kuala Nerus dan Kemaman semalam.

Seramai 5,476 mangsa banjir daripada 1,625 keluarga ditempatkan di 122 buah pusat pemindahan sementara (PPS) di tujuh daerah di negeri ini.

Sehingga jam 6 petang semalam, Info Bencana Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) merekodkan seramai 1,795 mangsa banjir ditempatkan di 51 buah PPS di daerah Besut.

Daerah Setiu pula mencatat



FOTO: IHSAN ANGGKATAN PERTAHANAN AWAM

Operasi menyelamat mangsa banjir di Kampung Bukit Kuang dan Kampung Pekan Wakaf Tapai, Marang.

kan seramai 1,789 mangsa manakala daerah Hulu Terengganu pula mencatatkan jumlah mangsa seramai 1,270.

Daerah Dungun pula mencatatkan seramai 393 mangsa, Marang (111), Kuala Nerus (94) dan Kemaman (24).

Sementara itu, beberapa sungai di negeri ini berada melebihi paras bahaya iaitu Sungai Besut di Jambatan Keruak berada pada paras 35.20 meter (m), Sungai Besut di Kampung La (23.36m), dan Sungai Setiu di Kampung Besut (17.63m).

## Warga emas mangsa strok diusung ke hospital

**HULU TERENGGANU** - Seorang warga emas yang mengalami serangan angin ahmar (strok) sejak setahun lalu diusung menaiki lori bomba untuk mendapatkan rawatan di hospital.

Mangsa, Abdul Latif Abdullah, 76, dari Kampung Tengka-wang di sini dikejarkan ke hospital Hulu Terengganu untuk menjalani rawatan hemodialisis.

Selain mengalami strok, warga emas dari Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Kampung Tekawang itu turut mengalami komplikasi penyakit buah pinggang kira-kira lapan tahun lalu.

Selain Abdul Latif, turut dibawa bersama ialah seorang kanak-kanak, Muhammad Nasrullah Mohd Nasir, 4, yang mengalami demam sejak dua hari

lalu serta dua lelaki dewasa yang mengalami simptom sama.

Ibu kepada kanak-kanak terbabat, Hayati Sahid, 37, berkata, dia risau memikirkan cara untuk menghantar untuk anaknya ke hospital memandangkan rumahnya dilanda banjir.

"Waktu dapat tahu dia demam, saya begitu rusing memikirkan macam mana cara nak ke hospital.

"Mujurlah ada bantuan daripada pihak berkuasa yang membantu membawa kami ke hospital," katanya.

Sementara itu, Timbalan Pengarah Bomba Terengganu, Sharikan Bustaman berkata, selain menjalankan usaha menyelamatkan mangsa banjir, pihak bomba turut membantu memindahkan mangsa yang mengalami penyakit kronik dan perlu mendapatkan rawatan.

Beliau berkata, secara keseluruhan pihak bomba mempunyai kekuatan seramai 783 anggota termasuk 184 pegawai.

"Setiap anggota akan berkwat dalam tempoh 24 jam sebelum bertukar shift," katanya.

## Stok barangan keperluan untuk mangsa banjir mencukupi

**JERTEH** - Stok barangan keperluan termasuk khemah mencukupi untuk mangsa banjir di semua pusat pemindahan sementara (PPS) yang beroperasi ketika ini.

Pengarah Operasi Agensi Pengurusan Bencana Negara, (Nadma), Datuk Hussein Omar Khan berkata, bagaimanapun di sesetengah PPS, pemasangan khemah tidak begitu praktikal kerana keluasan yang terhad dan pemasangannya akan menyebabkan dewan itu tidak dapat menampung jumlah mangsa banjir yang ada.

"Oleh sebab itu, khemah-khemah tidak dibuka supaya lebih ramai dapat ditempatkan di PPS itu. Sebenarnya, bekalan khemah untuk keperluan di Pantai Timur ini adalah mencukupi namun pengedarannya mengambil masa sedikit.

"Di sesetengah PPS, memang sengaja tak dibuka supaya lebih ramai boleh ditempatkan," katanya ketika diminta mengulas

mengenai dakwaan sesetengah pihak kononnya ada PPS yang tidak menerima khemah.

Setakat ini, 10,000 unit khemah telah selesai dihantar ke tiga negeri di Pantai Timur iaitu Pahang, Kelantan dan Terengganu serta pihaknya akan menambah sebanyak 2,000 unit berdasarkan keperluan semasa mangsa banjir.

Ditanya mengenai kelancaran penghantaran bantuan barangan dan makanan ke PPS, beliau berkata, ada berlaku kes terencil kelewatan namun ia bukanlah disengajakan kerana berpunca daripada faktor luar jangka seperti terputus hubungan dan cuaca terlalu buruk.

"Kita telah ambil inisiatif contohnya tambahan anggota dan tambahan dari segi logistik untuk mempercepatkan bantuan ini. Begitu juga bantuan tambahan dari kerajaan pusat, memang telah tersedia, hanya menunggu waktu sesuai untuk penghantarannya," katanya. - *Bernama*

## Dipindahkan selepas berkhatan

**SETIU** - Tiga sepupu melalui pengalaman bersunat berbeza berbanding rakan-rakan lain apabila terpaksa berpantang di pusat pemindahan sementara (PPS) berikutan rumah mereka dinaiki air kelmarin.

Mohd Faiz Akiff Mohd Kamarun, 10, Mohd Alif Haigal Abdullah, 11, dan Mohd Adam Syahmi Zainooriaswad, 10, tidak sempat berpantang di rumah sendiri sebaik selesai berkhatan di sebuah klinik jam 5 petang kelmarin selepas dipindahkan ke PPS Perpustakaan Awam Permaisuri di sini jam 10.45 malam.

Ibu Mohd Faiz Akiff, Zainoor Idayu Mohd Noor, 37, berkata, dia mengambil keputusan untuk berpindah selepas menyedari kediamannya dilimpahi air kerana

bingbang dengan keselamatan anak dan anak saudaranya yang baru selesai bersunat.

"Balik lepas bersunat, air sudah ada tapi belum banyak. Sejam kemudian air makin dalam, saya terus keluar dari kereta ke tempat selamat dan kemas barang-barang lalu hubungi MPKK (Majlis Pengurusan Komuniti Kampung) untuk pindah," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Sementara itu, Mohd Faiz Akiff berkata, dia seronok berpantang di situ kerana tidak sunyi berikutan mempunyai ramai kawan.

"Seronok juga duduk sini, boleh main 'game' dan ramai orang," katanya yang turut diakui oleh sepupunya, Mohd Adam Syahmi.



Abdul Latif diusung oleh anggota bomba untuk dibawa ke Hospital Hulu Terengganu.



Tiga sepupu ini merasa pengalaman berpantang selepas bersunat di pusat pemindahan berikutan banjir.